

**NO. SOALAN: 78**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI IRMOHIZAM BIN  
HAJI IBRAHIM [ KUALA SELANGOR ]**

**TARIKH : 16 JUN 2015**

**RUJUKAN : 7974**

**SOALAN:**

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [ Kuala Selangor ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh manakah kedudukan Malaysia dalam Index Keganasan Global terjejas akibat penularan fahaman dan pembabitan rakyat Malaysia dalam gerakan IS memandangkan statistik menunjukkan pembabitan rakyat Malaysia yang menyertai IS terus meningkat.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Indeks Keganasan Global telah menyenaraikan Malaysia di kedudukan 48 daripada 162 negara yang dinilai pada 2014. Indeks ini menggunakan empat (4) petunjuk utama bagi menggambarkan impak keganasan di sesebuah negara, iaitu jumlah insiden keganasan, kematian, kecederaan dan juga kerosakan harta benda.**

**Setakat ini, Indeks Keganasan Global bagi tahun 2015 masih belum dikeluarkan. Namun saya menjangkakan kedudukan Malaysia tidak banyak berubah kerana walaupun ada pembabitian rakyat Malaysia di dalam Kumpulan IS, ia tidak melibatkan kecederaan, kerosakan harta benda mahupun kematian di Malaysia. Tidak dinafikan, ia sedikit sebanyak mungkin akan memberi kesan terhadap kedudukan Malaysia kerana turut diambil kira data-data mengenai percubaan untuk melakukan kegiatan keganasan walaupun ianya tidak menyebabkan kematian atau kecederaan.**

**Namun begitu, perlu diingat bahawa indeks ini adalah lebih kepada sebagai “*prediction*” atau ramalan berdasarkan kajian data primer dan sekunder. Ianya tidak boleh disamakan dengan situasi sebenar bagi menggambarkan tahap keselamatan negara yang hakiki.**

**Walau apapun, Ahli-ahli Yang Berhormat tidak perlu bimbang kerana dengan inisiatif-inisiatif yang telah diambil oleh Kerajaan termasuk penggubalan Rang Undang-undang Pencegahan**

**Keganasan 2015 dan langkah-langkah lain seperti kerjasama dengan negara-negara antarabangsa serta program-program penerangan di peringkat akar umbi seharusnya dapat menggambarkan setakat mana keseriusan Kerajaan di dalam menangani isu keganasan ini di dalam negara.**